

23/02/2002

Ulama politik: Ahli Pas mula akui teguran PM

RANTAU PANJANG, Jumaat - Ramai pemimpin dan ahli Pas secara senyap menyokong teguran Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, terhadap ulama politik.

Ketua Penerangan Umno, Datuk Mustapa Mohamed, berkata sokongan itu sudah dinyatakan secara terbuka menerusi lidah rasmi Pas, Harakah, yang mengkritik kewujudan ulama politik sempit dalam parti itu yang disifatkan boleh menghancurkan negara Islam.

"Ini kritikan yang begitu pahit. Rencana (dalam Harakah) itu juga menyelar ulama yang tidak boleh dikritik dan ada ulama yang menganggap diri mereka maksum... inilah yang kita serang sebenarnya.

"Pandangan kita dalam hal ini memang benar dan tepat, tetapi rupanya ramai juga ahli Pas yang menyokong pandangan ini dan terbukti Harakah juga menyokong pandangan Dr Mahathir.

"Kita harap rakyat Malaysia akan berhati-hati menerima pandangan ulama kerana bukan semua yang lulus pengajian di Mesir atau Arab itu boleh digelar ulama.

"Bukan semua pemimpin Pas ulama, sebaliknya ramai antara mereka adalah ulama politik yang mementingkan diri dan sanggup membelakangkan ajaran Islam dengan mengeluarkan pelbagai fatwa bercanggah," katanya selepas majlis Pidato Perdana di dewan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tiang Chandi di sini, malam tadi.

Mustapa mengulas rencana pengarang Harakah keluaran terbaru yang menyatakan adalah salah untuk beranggapan ulama mewakili Nabi dan tidak boleh dikritik.

Rencana pengarang bertajuk 'Kepimpinan Ulama-Tetapi Siapakah Ulama?' yang disiarkan dalam edisi Inggeris dan ditujukan kepada pembaca bukan Melayu itu didakwa mempunyai pendirian bertentangan dengan perjuangan Pas.

Mustapa berkata, perubahan ahli dan pemimpin Pas itu membuktikan kebenaran mula berpihak kepada Umno yang selama ini berjuang menegakkan Islam sehingga mendapat pengiktirafan negara luar.

"Semua tahu sumbangan Umno kepada umat Islam di negara ini dan juga dunia tidak boleh dipertikaikan, cuma Pas menafikannya atau enggan mengiktiraf semata-mata kerana kepentingan politiknya.

"Bagaimanapun, kebenaran tidak boleh disembunyikan dan pasti menjelma bila tiba masanya," katanya.

Beliau yang juga Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) berkata, umat Islam yang benar-benar bersikap objektif akan mengakui hakikat bahawa Umno banyak mengangkat martabat Islam dalam pelbagai bidang di negara ini.

Katanya, sumbangan itu bukan saja memberi kekuatan kepada rakyat, malah menjadikan orang Islam di negara ini sebagai umat bermaruah dan tidak mudah diperkotak-katikkan oleh pihak yang menganggap diri mereka kuat.

(END)